

NAMA : TINGKATAN :

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR****MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR 2026****EKONOMI 3767/1****TINGKATAN 5****Kertas 1****1 jam 15 minit****JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak

- 1 Ekonomi merupakan satu bidang sains sosial yang mengkaji (R)
A cara isi rumah meningkatkan pendapatan
B pengurusan sumber kewangan secara sistematik
C penggunaan faktor pengeluaran secara maksimum
D sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak tidak terhad
- 2 Pernyataan manakah yang betul tentang faktor pengeluaran? (S)
A Buruh menggabungkan sumber ekonomi dalam proses pengeluaran
B Modal merupakan alat ciptaan manusia untuk mengeluarkan barang
C Usahawan adalah individu yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental
D Tanah merupakan sumber alam semula jadi yang penawarannya tidak terhad
- 3 Apakah kos lepas bagi firma? (R)
A Projek pembangunan terbaik yang terpaksa dilepaskan
B Modal kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
C Keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
D Hasil daripada output terbaik yang terpaksa dilepaskan
- 4 Jadual 1 menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat Jelita Ridayu. (T)

Keluaran (helai)	Intensif buruh	Intensif modal
Baju melayu lelaki	1100	600
Baju kurung perempuan	600	1100

Jadual 1

- Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Jelita Ridayu sekiranya teknik intensif modal digunakan?
- A 500 helai baju melayu lelaki
B 600 helai baju kurung perempuan
C 1100 helai baju melayu lelaki
D 1700 helai baju kurung perempuan
- 5 Pilih pernyataan yang betul tentang sistem ekonomi pasaran bebas. (R)
A Motif pengeluaran adalah untuk memaksimumkan kebajikan
B Persaingan wujud antara firma dan dikawal oleh kerajaan
C Harga ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran
D Pilihan barang dan perkhidmatan yang terbatas


- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan Negara P dan Negara Q. (S)

Negara P	Negara Q
Menggunakan teknik pengeluaran yang cekap	Barang dan perkhidmatan dikeluarkan oleh kerajaan

Apakah masalah asas ekonomi yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

	Negara P	Negara Q
A	Bagaimana hendak dikeluarkan	Apa yang hendak dikeluarkan
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Untuk siapa dikeluarkan
C	Untuk siapa dikeluarkan	Berapa yang hendak dikeluarkan
D	Apa yang hendak dikeluarkan	Bagaimana hendak dikeluarkan

- 7 Pernyataan yang manakah betul tentang keluk permintaan? (R)
- A Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
- B Kenaikan harga menyebabkan kuantiti diminta meningkat
- C Harga menurun menyebabkan kuantiti diminta berkurangan
- D Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah songsang
- 8 Rajah 1 berkaitan dengan penawaran kereta tempatan. (S)



Rajah 1

Peningkatan kuantiti dari 10 unit ke 15 unit disebabkan oleh

- A bayaran upah pekerja tinggi
- B kerajaan meningkatkan duti eksais
- C teknologi pengeluaran yang canggih
- D jangkaan kenaikan harga pada masa depan

- 9 Jadual 2 menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang. (R)


Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
10	10	18
8	11	16
6	12	14
4	13	13
2	14	12

Jadual 2

Pernyataan yang manakah betul tentang jadual tersebut?

- A Harga cenderung naik pada tingkat harga RM2
- B Harga keseimbangan pasaran dicapai pada tingkat RM10
- C Lebihan penawaran sebanyak 3 unit pada tingkat harga RM6
- D Kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan sebanyak 5 unit pada tingkat harga RM8

- 10 Rajah 2 menunjukkan keseimbangan pasaran terhadap komputer riba. (T)



Rajah 2

Situasi manakah yang menyebabkan perubahan keluk di atas?

- A Buruh menerima kenaikan upah dan pemberian bonus
- B Harga komputer riba meningkat akibat kenaikan kos pengangkutan
- C Kerajaan menaikkan kadar cukai bagi golongan berpendapatan tinggi
- D Penggunaan mesin automatik dan kecerdasan buatan (AI) dalam sektor pembuatan

- 11 Jadual 3 menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

(S)

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)
3	25
6	10

Jadual 3

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM3 ke RM6?

- A 0.60
B 0.83
C 1.20
D 1.67

- 12 Jadual 4 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran Barang P dan Barang Q. (T)

Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
P	50	25
Q	30	70

Jadual 4

Maklumat manakah yang betul tentang Barang P dan Barang Q?

	Barang P	Barang Q
A	Merupakan barang mewah	Merupakan barang keperluan
B	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
C	Keluk penawaran lebih curam	Keluk penawaran lebih landai
D	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan. (S)

Puan Wong membayar bil elektrik rumahnya pada 28 hari bulan setiap bulan.

Apakah perkhidmatan bank yang sesuai digunakan?

- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 14 Sewa diterima sebagai pulangan daripada aset hartanah kerana (R)
- A menangguhkan perbelanjaan semasa
 - B menerima pendapatan tidak produktif
 - C menyumbangkan tenaga fizikal dan mental
 - D memberi hak penggunaan kepada orang lain
- 15 Pernyataan yang manakah menerangkan pendapatan boleh guna? (R)
- A Pendapatan bersih yang boleh digunakan setelah ditolak cukai pendapatan dan perbelanjaan individu
 - B Baki pendapatan yang boleh digunakan setelah ditolak jumlah perbelanjaan dan tabungan
 - C Pendapatan tahunan ditolak semua pelepasan cukai yang layak diterima oleh individu berkenaan
 - D Pendapatan sebenar individu yang boleh digunakan untuk membuat perbelanjaan penggunaan dan tabungan
- 16 Jadual 5 menunjukkan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Ahmad dalam tempoh sebulan. (T)

Butiran	RM
Zakat	150
KWSP	220
Insurans	60
Sewa rumah	400
Makanan	700
Cukai pendapatan	120

Jadual 5

Berapakah jumlah potongan wajib Encik Ahmad?

- A RM 340
- B RM 370
- C RM 490
- D RM 550

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kaedah pembayaran.

(S)

Encik Manav membeli sebuah motosikal secara ansuran.

Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembayaran tersebut?

- I Membeli secara berhemat
 - II Menikmati harga yang lebih murah
 - III Meringankan beban kewangan pembeli
 - IV Menggalakkan pembeli merancang perbelanjaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 18 Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek? (S)
- I Input tetap masih digunakan walaupun keluaran sifar
 - II Penambahan input tetap akan meningkatkan tingkat output
 - III Output hanya dapat diubah apabila semua input diubah secara serentak
 - IV Terdapat sekurang-kurangnya satu input tetap dalam proses pengeluaran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 19 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran barang Z bagi Syarikat Mewah Sdn. Bhd. (T)

Output = 5000 unit
Harga seunit = RM20
Kos purata = RM15

Berapakah untung yang diperoleh syarikat tersebut?

- A RM 25 000
 - B RM 75 000
 - C RM 100 000
 - D RM 175 000
- 20 Situasi yang manakah merujuk kepada faedah sosial? (S)
- A Hasil cukai kerajaan bertambah akibat peningkatan jumlah eksport tak nampak negara
 - B Nelayan ikan air tawar di Kampung Sentosa mengalami kerugian kesan daripada pencemaran sungai
 - C Syarikat Usaha Jaya mendapat untung yang banyak disebabkan permintaan yang tinggi oleh pengguna
 - D Penduduk Kampung Bahagia dapat membeli barang keperluan dengan mudah ekoran daripada kewujudan pasar tani di kampung mereka



- 21 Maklumat berikut berkaitan tentang peranan kerajaan.

(R)

Kerajaan melaksanakan dasar fiskal dan dasar kewangan bagi memastikan guna tenaga penuh, kestabilan harga, pertumbuhan ekonomi dan keseimbangan imbang pembayaran dapat dicapai.

Apakah peranan yang ditunjukkan dalam tindakan kerajaan tersebut?

- A Mencapai objektif makroekonomi
- B Mengawal aktiviti monopoli semula jadi
- C Mengurangkan kesan eksternaliti negatif
- D Menyediakan barang awam dan barang sosial

- 22 Bagaimanakah kerajaan mengawal eksternaliti negatif?

(R)

- A Mengelakkan pencemaran
- B Menggubal akta dan undang-undang
- C Menurunkan kadar cukai kepada firma
- D Mengabaikan kesan sosial aktiviti ekonomi

- 23 Pernyataan manakah yang menunjukkan sumbangan kerajaan terhadap kebajikan rakyat dan pembangunan ekonomi negara?

(S)

- I Mengeluarkan barang awam dan barang sosial
 - II Memastikan negara mencapai guna tenaga penuh
 - III Memastikan kemasukan aliran modal ke dalam negara
 - IV Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) di Malaysia.

(S)

Indeks Harga Pengguna (IHP) di Malaysia mencatat peningkatan daripada 132.8 pada tahun 2024 kepada 135.5 pada tahun 2025, mencerminkan kenaikan harga purata barang dan perkhidmatan dalam tempoh tersebut.

Keadaan tersebut menunjukkan peningkatan

- A nilai wang
- B taraf hidup
- C kos sara hidup
- D harga barang import

- 25 Apakah jenis pengangguran yang berlaku semasa kemelesetan ekonomi? (R)
- A Pengangguran kitaran
 - B Pengangguran geseran
 - C Pengangguran ~~gedehana~~ sederhana
 - D Pengangguran berstruktur

- 26 Jadual 6 menunjukkan KDNK bagi Malaysia pada tahun 2022 hingga 2025. (S)

Tahun	KDNK (RM trilion)
2022	1.79
2023	1.82
2024	1.93
2025	2.03

Jadual 6

Pilih pernyataan yang benar berkaitan dengan KDNK

- A Pada tahun 2023, KDNK meningkat sebanyak 1.68% berbanding tahun 2022
 - B Pada tahun 2024, KDNK meningkat sebanyak 5.04% berbanding tahun 2023
 - C Nilai KDNK meningkat sebanyak RM30 billion pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 menyebabkan kos sara hidup meningkat
 - D Nilai KDNK meningkat sebanyak RM100 billion pada tahun 2025 berbanding tahun 2024 menyebabkan kadar pengangguran meningkat
- 27 Pernyataan yang manakah merujuk kepada cukai regresif? (R)
- A Contoh adalah cukai pendapatan syarikat
 - B Kadar cukainya meningkat apabila pendapatan bertambah
 - C Jurang pendapatan antara kaya dan miskin dapat dikurangkan
 - D Golongan berpendapatan rendah menanggung beban lebih besar
- 28 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan dasar fiskal menguncup? (S)
- A Meningkatkan kadar cukai
 - B Menambahkan permintaan agregat
 - C Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - D Menambahkan bekalan wang di pasaran
- 29 Apakah tujuan Bank Negara Malaysia menurunkan kadar faedah? (R)
- A Mengatasi masalah inflasi
 - B Meningkatkan jumlah tabungan
 - C Mengurangkan permintaan agregat
 - D Menambahkan bekalan wang dalam ekonomi

- 30 Apakah risiko yang akan dialami oleh syarikat multinasional sekiranya beroperasi di negara lain? (T)
- A Kemungkinan mendapat sokongan masyarakat tempatan
 - B Dapat lebih ramai tenaga yang berkemahiran dengan kos yang lebih rendah
 - C Bekalan bahan mentah mungkin tidak dapat menepati jadual pengangkutan
 - D Mengalami kekurangan kemudahan asas di sesetengah negara kurang membangun
- 31 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan negatif pelaburan langsung asing? (R)
- I Menjejaskan produktiviti pekerja
 - II Mengurangkan kadar pengangguran
 - III Mewujudkan ketidakseimbangan pendapatan
 - IV Mengeksploitasi sumber alam secara berlebihan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 'Kerajaan melaksanakan sekatan perdagangan antarabangsa bagi melindungi industri tempatan daripada persaingan luar'. (T)
- Berdasarkan situasi tersebut, apakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa kepada negara?
- A Menambahkan import ke dalam negara
 - B Menambahkan penawaran barangan luar negara
 - C Meningkatkan pelaburan langsung asing secara langsung
 - D Meningkatkan peluang pekerjaan dalam industri tempatan
- 33 Pernyataan yang manakah merupakan kesan positif lebih akaun semasa? (R)
- A Kos sara hidup rakyat yang tinggi
 - B Jumlah hasil negara meningkat
 - C Lonjakan harga barang import
 - D Peningkatan kadar pengangguran



- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan komposisi dagangan.

(R)

Siti dan Fatimah bercuti ke Indonesia dan membeli koleksi cenderahati untuk keluarganya di Malaysia. Mereka pulang ke Malaysia menggunakan Garuda Indonesia.

Antara berikut, yang manakah merupakan komposisi perdagangan yang terlibat?

- I Import barang Nampak
 - II Eksport barang Nampak
 - III Eksport barang tak Nampak
 - IV Import barang tak Nampak
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 35 Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (GBP)

Tahun	Kadar pertukaran
Januari 2024	£1.00 = RM 5.95
Januari 2025	£1.00 = RM 5.52

Pernyataan yang manakah benar tentang perubahan kadar pertukaran pada tahun 2025 berbanding 2024?

- A Eksport negara Malaysia akan bertambah
- B Imbangan dagangan Malaysia cenderung positif
- C Kemasukan pelancong dari Britain akan meningkat
- D Rakyat tempatan mampu menikmati barang keluaran Britain

Pilihan jawapan bagi Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Semua kombinasi pengeluaran di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran menggunakan sumber secara minimum. (R)
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan bahawa ekonomi mencapai guna tenaga penuh.
- 37 I Bank perdagangan menawarkan tiga jenis akaun, iaitu akaun tabungan, akaun simpanan tetap dan akaun semasa. (R)
 II Hanya pemegang akaun semasa sahaja boleh menggunakan perkhidmatan overdraf.
- 38 I Kos sosial merupakan eksternaliti negatif yang ditanggung oleh pihak kedua. (R)
 II Contoh kos sosial ialah kesesakan lalu lintas ekoran pembinaan pasar raya.
- 39 I Import barangan dicatat di bahagian kredit imbalan pembayaran. (R)
 II Import barangan Malaysia terdiri daripada barang penggunaan, barang pengantaraan dan barang modal.
- 40 I Pertambahan barang eksport berubah secara langsung dengan nilai mata wang. (T)
 II Peningkatan nilai eksport menyebabkan nilai mata wang naik.

KERTAS SOALAN TAMAT

